

02/05/2003

The Economist bersedia perbetul kesilapan: Abdullah

Kadir Dikoh; Ridzuan Yop; Magendran Rajagopal; Baharin Ramly
KUALA LUMPUR: Majalah mingguan, The Economist bersedia menyiarkan kenyataan atau rencana bagi memperbetulkan segala kesilapan fakta dalam laporannya yang memperlekehkan sumbangan dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, majalah yang berpangkalan di London itu sudah menjawab pertanyaan dari Malaysia yang mengemukakan bantahan rasmi baru-baru ini.

Pemangku Perdana Menteri berkata, berikutan itu The Economist juga bersedia meminta maaf jika ada kesilapan.

"Mereka kata bersedia meminta maaf, mereka sudah tulis surat mengenai perkara ini kepada kita. Kalau ada kesalahan yang telah mereka lakukan dari segi fakta, mereka bersedia membuat pembetulan dan meminta maaf.

"Tetapi daripada segi pandangan mereka, mereka kata mereka bertanggungjawab dan mereka bersedia menerima dan menyiarkan pandangan kita yang menangkis pandangan yang telah mereka berikan dalam majalah itu," katanya selepas merasmikan Konvensyen MIC Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Dalam jawapan bertulis menerusi e-mel kepada Berita Harian, kelmarin, penulis rencana khas 'A Survey of Malaysia' dalam The Economist keluaran 5-11 April itu, Christopher Lockwood, berkata tindakan untuk memohon maaf tidak perlu.

Lockwood yang juga editor Asia berkata ini kerana pihaknya tetap dengan pendirian laporan khas itu.

Abdullah berkata, pihak The Economist menyatakan kesediaan untuk menyiarkan kenyataan atau rencana bagi menangkis mana-mana laporan mereka yang dianggap oleh Malaysia sebagai tidak begitu tepat.

"Bila kita dah hantar (kenyataan) dan menunjukkan di mana mereka telah menyatakan sesuatu yang tak betul mengenai kita, mereka akan membuat pembetulan dan mereka akan minta maaf dalam artikel itu nanti.

"Kita dah bagi tahu kepada mereka mengenai apa yang mereka telah lakukan," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata keengganan penulis rencana itu memohon maaf seperti yang dituntut pemimpin

negara membuktikan majalah itu bersikap angkuh dan sombong serta mempunyai agendanya sendiri untuk menggugat kestabilan Malaysia dari dalam.

Katanya, terpulang kepada pengarang majalah itu sama ada mahu memohon maaf seperti yang dituntut atau sebaliknya kerana itu adalah hak mereka.

Beliau berkata, apa yang perlu dilakukan oleh rakyat Malaysia adalah untuk sentiasa berwaspada terhadap cubaan menggugat kestabilan negara dengan menyiarkan artikel dan laporan seumpamanya.

Syed Hamid berkata demikian ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam, sebelum berlepas ke Perancis

bagi menghadiri mesyuarat Troika Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), membabitkan Malaysia, Afrika Selatan dan Cuba, hari ini.

Sementara itu, di Butterworth, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata kerajaan akan menulis kepada ibu pejabat The Economist di

London bagi menjelaskan secara terperinci semua kesilapan fakta dalam rencananya.

Katanya, melalui surat itu juga kerajaan akan menjelaskan semua fakta mengelirukan dalam rencana keluaran 5 April itu.